UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

**PEJABAT PRO NAIB CANSELOR (KAMPUS KL) • *PRO VICE CHANCELLOR OFFICE (CAMPUS KL)***

Rujukan : **UKMKKL.19/3/12**
Tarikh : 19 **Mac 2021**

Pengarah/ Dekan/ Ketua Hospital/
Fakulti/ Institut/ Pusat/
Bahagian Kampus Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Datuk/ Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SUMBANGAN BANTUAN KHAS PERSEKOLAHAN KEPADA ANAK-ANAK KAKITANGAN YANG BERSTATUS IBU/BAPA TUNGGAL KAMPUS KL TAHUN 2021**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Tabung Ehsan Warga yang diadakan pada 15 Disember 2020 bersetuju untuk memberikan sumbangan bantuan persekolahan kepada anak-anak kakitangan Kampus KL yang berstatus ibu/bapa tunggal yang berjawatan Tetap/Kontrak sahaja dan masih dalam perkhidmatan. Objektif sumbangan adalah untuk membantu meringankan beban kakitangan yang berstatus ibu/bapa tunggal bagi persediaan sesi persekolahan anak tahun 2021.

Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama YBhg. Prof. Datuk/ Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan bawah seliaan pihak YBhg. Prof. Datuk/ Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dengan mengisi borang permohonan bantuan yang berlampir. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar selewat-lewatnya sebelum atau pada **31 Mac 2021** ke Unit Akaun atau emailkan kepada akaunjkew@ppukm.ukm.edu.my.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh menghubungi Unit Akaun di sambungan **5240/ 5242/ 5197**.

Sekian, kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof. Datuk/ Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

**PROF. DATO' DR HANAFIAH HARUNARASHID**
Pro Naib Canselor (KKL) & Pengerusi Tabung Ehsan Warga
Pejabat Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*The National University of Malaysia*

JABATAN KEWANGAN • *FINANCE DEPARTMENT OF HCTM*

# BORANG PERMOHONAN PROGRAM BANTUAN KHAS PERSEKOLAHAN ANAK BAGI IBU/BAPA TUNGGAL DIBAWAH TABUNG EHSAN WARGA (TWA52)

## MAKLUMAT PEMOHON

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Penuh | | | |
| No. UKM Per | | Jabatan/Fakulti | |
| Alamat Rumah (tetap) | | | |
| No. Telefon (Pejabat) | | No. Telefon (Bimbit) | |
| Emel | | | |
| Jawatan | ☐ Tetap | ☐ Kontrak | |
| Bil. Anak Yang Bersekolah Bantuan Kerajaan Penuh | ☐ 7 – 12 Tahun | ☐ 13 – 17 Tahun | |

## PERAKUAN PEMOHON

Saya memperakui bahawa semua butiran di atas serta setiap dokumen yang dilampirkan adalah benar.

------------------------------------ ------------------------------------

(Tandatangan ) Tarikh

## PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya ______________________________ No.UKM(PER) ______________ mengakui bahawa maklumat yang dicatatkan di atas adalah benar dan disahkan bahawa pemohon layak diberi sumbangan ini .

-------------------------------------- ------------------------------------

(Tandatangan dan Cop ) Tarikh

**Syarat-syarat permohonan :-**

1. Warga Kakitangan Kampus KL (merangkumi HCTM/HPKK/Fakulti/Pusat Kecemerlangan) yang berstatus tetap/kontrak.
2. Bagi anak kandung/anak angkat yang bersekolah Bantuan Kerajaan Penuh berumur 7 – 17 tahun.
3. Dokumen Pembuktian : -
   - Salinan Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran Anak;
   - Salian Dokumen Pengambilan Anak Angkat
   - Salinan Surat Pengesahan Sekolah Bantuan Kerajaan
4. Semua dokumen hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan.